

**KAJIAN KESESUAIAN TERHADAP PEMBINAAN MODUL PEMBELAJARAN
KENDIRI (MPK) SISTEM WANG DAN BANK (MSWB)
DI KALANGAN PELAJAR SEMESTER SATU DIPLOMA PERAKAUNAN
DI POLITEKNIK KOTA BHARU**

SITI NOR BINTI FAUZI

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional)

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

SEPTEMBER, 2003

Buku ini didedikasikan dengan penuh kasih sayang kepada insan yang istimewa yang telah menjadi sumber inspirasi dalam hidup ini.

Terutamanya...

Mak, Ayah, dan keluarga tersayang. Terima kasih kerana memberi dorongan selama ini....



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, penulis ingin memberikan sekalung penghargaan kepada penyelia Projek Sarjana, Tuan Haji Zulkifli Bin Senin atas segala tunjuk ajar yang telah beliau berikan kepada penulis sepanjang tempoh penyeliaan beliau. Kesabaran serta ketekunan beliau tidak dapat dinilai dan masa yang beliau korbankan semata-mata untuk menyelesaikan kekusutan penulis amatlah dihargai.

Penulis juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Politeknik Kota Bharu khususnya Ketua Jabatan Perdagangan iaitu En Azly Yong Abdullah yang telah memberi kebenaran kepada penulis untuk menjalankan kajian ini dan En Ahmad Fuad Bin Shorbaini yang telah memberikan kebenaran menggunakan kelasnya di sepanjang kajian dibuat. Kepada responden kajian, terima kasih kerana telah membantu penulis serta memberikan kerjasama yang sangat memberangsangkan untuk penulis melaksanakan kajian ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek penyelidikan ini.

Sekian, terima kasih.

Siti Nor Binti Fauzi

September 2003

ABSTRAK

Modul Pembelajaran Kendiri Sistem Wang dan Bank (MSWB) merupakan satu kaedah pembelajaran yang mengambilkira perbezaan individu. Tujuan utama kajian ini dibuat adalah untuk mengkaji kesesuaian penggunaan modul bagi mata pelajaran Prinsip Ekonomi (P1106) untuk tajuk Sistem Wang Dan Bank. Manakala tujuan yang kedua adalah untuk melihat sama ada MSWB ini boleh menarik minat pelajar serta mampu memotivasikan mereka dan yang ketiga adalah untuk melihat kebolehlaksanaan MSWB tersebut di Politeknik pada masa akan datang. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang melibatkan 45 orang responden yang mengambil kursus Diploma Perakaunan di Politeknik Kota Bharu sesi 2003/2004. Hasil kajian adalah berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi daripada borang soal selidik yang telah diedarkan. Maklum balas yang diperolehi melalui soal selidik ini telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 10.0 untuk mencari skor min dan peratus maklum balas responden. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa modul yang dibina sesuai untuk pelajar sasaran di mana skor min yang tinggi telah diperolehi. Hasil dapatan juga menunjukkan penerimaan responden yang positif terhadap MSWB untuk digunakan oleh pelajar serta dapat diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Beberapa cadangan dikemukakan di akhir bab bagi meningkatkan lagi kualiti penghasilan MPK sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran.

ABSTRACT

Money and Bank System Self Learning Module (MBSM) is one of the learning skills that takes into account on individual differences. The main purpose of the study is to identify the suitability of the module in teaching topic of Principle of Economy (P1106) for the Money and Bank System (SWB). The second purpose is to find out whether it is able to attract students' interest, give motivation and the practicality of MBSM in polytechnics in future. This study was applied to students of Kota Bharu Polytechnics 2003/2004 session who are taking a course in Diploma Accountancy. Respondents for this research comprised of 45 students from DAT 1. The findings of the study were extracted based on questionnaires. The findings are analysed using SPSS software version 10.0 to find the mean score and percentage. From the analysis, it was concluded that the Inner Self Module Learning developed by the researchers is good and suitable for Diploma in Accountancy students. The overall findings showed positive answer and accepted this module to apply it in teaching and learning process. In the last session in this report, several proposals are made towards the self-learning module for improvement and future research.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latarbelakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kerangka Teori	7
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Skop Kajian	9
1.9	Definisi Istilah	9

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Modul	12
2.3	Definisi Pembelajaran Bermodul	17
2.4	Tujuan Dan Kegunaan Pengajaran Bermodul	19
	2.4.1 Tujuan Pengajaran Bermodul	19
	2.4.2 Kegunaan Pengajaran Bermodul	20
2.5	Ciri-ciri Modul Pengajaran Dan Pembelajaran	21
2.6	Kebaikan Pengajaran Bermodul	24
	2.6.1 Kebaikan Kepada Pelajar	24
	2.6.2 Kebaikan Kepada Pensyarah/Guru	26
2.7	Hasil Kajian Lepas	28
2.8	Kesimpulan	30

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	31
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
3.3	Sumber Data Dan Responden	32
	3.3.1 Sumber Data	32
	3.3.2 Responden	32
3.4	Pemilihan Sampel Kajian	33
3.5	Instrumen Kajian	33
	3.5.1 Bahagian Soal Selidik	34
	3.5.2 Senarai Semak	36
3.6	Kajian Rintis	36
3.7	Prosedur Kajian (Pembinaan Modul)	37
3.8	Kaedah Analisis Data	39
3.9	Batasan Kajian	40
3.10	Andaian Kajian	40

BAB IV REKA BENTUK PRODUK

4.1	Pengenalan	42
4.2	Latar Belakang Pembentukan Modul	42
	4.2.1 Ciri-ciri Umum Dalam Pembentukan Modul	42
4.3	Objektif Modul Dihasilkan	45
4.4	Kandungan Modul Pembelajaran MSWB	46
4.5	Reka Bentuk Modul	46

4.6	Bentuk Dan Ciri-ciri Modul	46
4.7	Kronologi Pembinaan Produk	48
4.8	Permasalahan Dalam Pembinaan Modul	49
4.9	Bahan, Kos dan Masa Pembinaan Modul	49
4.10	Penilaian Produk	50
4.11	Kesimpulan	50

BAB V ANALISIS DATA

5.1	Pendahuluan	52
5.2	Analisis Kajian/data	
5.2.1	Analisis Demografi (latar belakang)	53
5.2.2	Persoalan Kajian : Kesesuaian Isi Kandungan	55
5.2.3	Persoalan Kajian : MPK Menarik Minat Pelajar Serta dapat Memotivasikan Mereka (Mesra Pengguna)	57
5.2.4	Persoalan Kajian : Kebolehlaksanaan	60
5.3	Kesimpulan	63

BAB VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	64
6.2	Perbincangan	65
6.3	Kesimpulan	70

6.4	Cadangan	73
6.5	Penutup	75
RUJUKAN		76
LAMPIRAN		79



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Tahap Peratusan Kemampuan Seseorang	16
3.1	Jadual Bilangan Responden	33
3.2	Skala Likert	35
3.3	Pengkelasan Jawapan Untuk Skala Likert	39
3.4	Tafsiran Skor Min	39
4.1	Unit-unit Dalam Tajuk SWB	46
4.2	Kos Pembinaan Produk	48
5.1	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Skor Min Bagi Kesesuaian Isi Kandungan	55
5.2	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Skor Min Bagi MPK Menarik Minat Pelajar Serta Dapat Memotivasikan Mereka (Mesra Pengguna)	57
5.3	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Skor Min Berkenaan Dengan Kebolehlaksanaan	60
6.1	Rumusan Dapatan Kajian	73

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Penilaian Kesesuaian MSWB	7
3.1	Prosedur Kajian	38
4.1	Proses Pembinaan Modul	51



SENARAI SINGKATAN

P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
ABM	Alat Bantu Mengajar
MSWB	Modul Sistem Wang Dan Bank
PI	Pengajaran Individu
PB	Pengajaran Bermodul
PKB	Politeknik Kota Bharu
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
MPK	Modul Pembelajaran Kendiri



PTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Set Soal Selidik	79
B	Set Senarai Semak	84
C	Kajian Rintis	88
D	Hasil Dapatan SPSS (latar belakang responden)	90
E	Hasil Dapatan SPSS (Seksyen 1, 2, 3)	95
F	Surat Pengesahan	104
G	Muka depan MSWB	106

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang pesat membangun. Ini bersesuaian dengan hasrat pemimpin negara yang ingin menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020 seperti yang terdapat dalam Wawasan 2020. Untuk menjadi sebuah negara yang maju, keperluan untuk meningkat taraf pendidikan rakyat Malaysia adalah sangat penting supaya lebih ramai penduduk Malaysia mempunyai pencapaian yang tinggi dalam bidang akademik dan cemerlang dalam bidang pendidikan.

Teknologi pendidikan jika dilihat daripada pengertian dan konsep, kebanyakannya menganggap dan menyamakan dengan takrifan peralatan, perkakasan serta alat bantu mengajar bagi proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berorientasikan alat semata-mata. Kekeliruan terhadap konsep dan pengertian ini menyebabkan proses perkembangan P&P terhalang. Sebenarnya teknologi pendidikan bukan hanya tertumpu kepada peralatan dalam pengajaran serta penggunaannya sahaja tetapi lebih daripada itu termasuk proses P&P yang memberi manfaat, mengembirakan, menyeronokkan dan bertimbang rasa (Abd. Rahman, 1999) dalam Siti Fatimah Md. Azali (2002).

Menurut Dr. Ismail Zain, pembelajaran berkesan adalah pembelajaran yang menyeronokkan (Dick & Reiser, 1989). Keseronokan belajar adalah sesuatu yang

diharapkan oleh semua golongan guru untuk pelajar-pelajarnya. Keseronokan akan membawa kepada implikasi supaya pelajar tertarik dan berminat hendak belajar, manakala guru pula mempunyai strategi yang boleh mendorong pelajar-pelajarnya memberi tumpuan serta mengambil bahagian yang menyeluruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ianya boleh dicapai apabila guru dapat menyampaikan pengajarannya dengan bantuan bahan atau media.

Dengan perkembangan teknologi, ianya telah dapat mempelbagaikan perkakasan dan perisian dalam sistem penyampaian. Bermula dengan interaksi secara lisan, manusia mula berkomunikasi dengan mencatat di atas bahan yang bermula dengan daun hinggalah berlakunya perkembangan teknologi kertas dan percetakan. Seterusnya ia telah berkembang sehingga wujudnya media elektronik seperti radio, TV, filem, video, VCD dan yang terakhir perkembangan teknologi maklumat seperti telesidang dan komputer.

Penggunaan media pendidikan secara terancang dan teratur akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan berkesan. Oleh yang demikian, pendidik hendaklah mempunyai kemahiran dan pengetahuan supaya dapat memilih, menyusun, mengguna dan menilai media-media pengajaran dan pembelajaran berkenaan contohnya ialah pengajaran bermodul. Sebenarnya, kaedah pembelajaran bermodul merupakan strategi P&P yang berpusatkan bahan pelajaran. Pengajaran berasaskan modul ini melibatkan 3 komponen utama iaitu perancangan, penyampaian dan penilaian semasa proses P&P dijalankan. Bahan berpandukan modul ini mengandungi isi kandungan mata pelajaran serta tindakan dan aktiviti yang digunakan untuk pembelajaran pelajar. Modul juga dikatakan bertujuan untuk mengkayakan bahan pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran dan pada masa yang sama berfungsi sebagai Alat Bantu Mengajar dalam menyokong sesi pembelajaran (Sharifah Alwiah, 1987).

Reka bentuk pengajaran adalah satu proses yang pada dasarnya digunakan untuk memperkembangkan pelbagai jenis bahan pengajaran, seperti bahan bercetak, bahan tidak bercetak, pengajaran berbantuan komputer atau pengajaran melalui televisyen. Menurut Gagne (1984); serta Dick dan Carey (1987), penyelidikan telah

menunjukkan bahawa proses ini adalah satu cara yang berkesan bagi merancang apa sahaja jenis pembelajaran dalam Abdul Rahim Md. Saad (1996).

1.2 Latarbelakang Masalah

Peranan pensyarah di institut pengajian tinggi adalah untuk membimbing siswazah. Di samping menyampaikan pengetahuan dan kecekapan yang cukup, ia mahukan pelajar-pelajarnya mempunyai sikap yang membina dan boleh berfikir dengan kreatif. Pelajar-pelajar didapati sukar untuk menerima hujah-hujah dan konsep-konsep yang tidak boleh diukur, tanpa didedahkan dengan benda-benda yang konkrit. Jika bahan pembelajaran disampaikan secara lisan didapati kurang berkesan dalam mencapai objektif pembelajaran. Ini bererti, kegunaan media lain adalah amat perlu.

Penggunaan bahan media dalam pengajaran dan pembelajaran adalah salah satu aspek teknologi dalam pendidikan. Peranan media di dalam proses pembelajaran di dalam bilik kuliah adalah untuk membantu pencapaian objektif yang lebih teratur. Kesesuaian media dengan objektif pengajaran dan kemahiran dipersembahkan melalui media tersebut adalah dua aspek yang sangat penting dalam proses P&P yang berkesan. Untuk menyesuaikan media dengan objektif pengajaran, suatu aspek yang perlu difikirkan ialah bagaimana pendidik dapat menghasilkan bahan media.

Dengan penghasilan bahan yang tepat dengan kehendak atau situasi pembelajaran, akan dapat membantu pencapaian objektif pengajaran. Media merangkumi segala bentuk atau bahan yang menjadi saluran untuk memindahkan maklumat. Media digunakan oleh pendidik untuk tujuan pendidikannya. Di antara bahan-bahan media tersebut ialah buku, majalah, helaian kerja, slaid, filem jalur, filem loop, piring hitam, pita audio, rancangan tv dan radio, pita slaid, disket komputer, kit pelbagai media, bahan-bahan pengajaran terancang, model, spcsimen dan juga sebarang objek individu di dalam suatu komuniti.

Dalam konteks Alat Bantu Mengajar (ABM), terdapat media yang boleh menyampaikan mesej tanpa bantuan pendidik seperti modul bercetak, perisian pengajaran komputer atau teknologi-teknologi dalam pengajaran seperti sistem audio, tutorial, sistem pengajaran peribadi dan sebagainya. Oleh itu, mesej boleh disampaikan kepada pelajar oleh dua perantara iaitu pendidik atau jurulatih atau media.

Walaupun ABM amat baik digunakan dalam pengajaran subjek yang bersifat matematik, sains dan komputer, ianya memerlukan penerangan yang jelas dan demonstrasi yang baik. Namun, subjek yang bersifat perbincangan idea dan abstrak seperti sastera, bahasa, ekonomi, pembangunan kemanusiaan dan kemasyarakatan, serta perniagaan akan menjadi lebih menarik jika ABM dapat digunakan dengan efektif. Di antara ABM yang boleh digunakan ialah OHP, slaid projektor, TV, VCR, perakam kaset, LCD projektor, 'flip chart', papan tulis, kertas mahjong dan lain-lain.

Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1986), "modul adalah bererti unit-unit yang terkandung dalam satu keseluruhan yang besar". Ianya bermaksud modul ini telah banyak digunakan dalam bidang-bidang lain selain daripada bidang-bidang pendidikan. Oleh itu, dalam bidang pendidikan, modul ini boleh diertikan sebagai unit-unit media dalam satu rancangan mengajar misalnya filem ialah satu modul, begitu juga dengan pita video, pita audio dan sebagainya.

Oleh itu, adalah menjadi harapan, bahawa modul pengajaran dan pembelajaran yang telah dibangunkan ini dapat digunakan sebagai bahan pengajaran di Politeknik. Selain itu, ianya menjadi salah satu penyelesaian kepada permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Prinsip Ekonomi untuk tajuk Sistem Wang Dan Bank.

1.3 Pernyataan Masalah

Pelajar-pelajar sekarang sering menghadapi masalah dalam kekurangan bahan-bahan rujukan. Ekoran daripada bilangan pelajar yang semakin bertambah, menyebabkan bahan rujukan di perpustakaan tidak mencukupi untuk menampung keperluan pelajar serta sukar didapati di kawasan yang berdekatan. Keadaan ini akan menimbulkan masalah kepada pelajar dalam menyiapkan tugas-tugas yang diberikan oleh pensyarah. Di samping itu, rujukan yang ada juga kebanyakannya dalam bahasa Inggeris dan ianya akan menyukarkan pelajar yang kurang mahir dalam bahasa tadi berbanding dengan pelajar yang mahir.

Masalah akan timbul sekiranya pengajaran diajar secara dialog sahaja tanpa menggunakan apa-apa bahan bagi membantu proses P&P. Selain itu, pensyarah menggunakan perkataan yang tidak dimengertikan oleh pelajar akan menyebabkan pelajar tersebut sukar untuk memahami apa yang diajar. Ini adalah kerana kecepatan seseorang individu itu untuk menerima apa yang dipelajarinya adalah berbeza setiap individu.

Proses pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh pendidik merupakan aspek penting ke arah pencapaian matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Menurut Tengku Mohd Azman (1991:10) dalam Shahrarom dan Yap Kueh Chin (1991), menyatakan bahawa proses ini akan mengalami perubahan yang pesat menerusi perkembangan teknologi maklumat di negara ini. Ia akan lebih bersifat individu dan menekankan kepada kecepatan diri. Mekanisme pembelajaran yang dapat memberikan cabaran yang betul kepada para pelajar dan menyediakan maklum balas yang tepat terhadap pencapaian mereka akan membuatkan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, produktif dan cekap.

Selain itu, pensyarah sering menghadapi pelbagai kekangan semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah. Di antara kekangan tersebut termasuklah kekangan dari segi kekurangan peralatan atau kemudahan bilik kuliah dan masa pengajaran yang kurang sesuai serta penggunaan nota yang tidak dapat membantu murid untuk mengikutinya. Melalui tinjauan dan

temuduga yang telah dibuat di Politeknik Kota Bharu, pengkaji mendapati bahawa di sana modul ini kurang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sebagai seorang pensyarah yang sensitif terhadap kepelbagaian latarbelakang pelajar, haruslah sentiasa berusaha bagi mengurangkan jurang kekeliruan atau perbezaan persepsi di kalangan pelajar semasa mengajar. Sebagai pensyarah, adalah penting untuk memilih bentuk ABM yang sesuai dalam setiap pengajarannya untuk memastikan pembelajaran tersebut berkesan. Pelaksanaan modul pengajaran dan pembelajaran adalah bertujuan menghasilkan keberkesanan dalam aktiviti P&P yang dijalankan. Oleh itu, pengubahsuaian di dalam perancangan mengajar diperlukan bagi menambah kemahiran dan mencapai objektif sebenar pembelajaran.

Oleh yang demikian, timbul minat pengkaji untuk menghasilkan atau membangunkan Modul Pembelajaran Sistem Wang Dan Bank bagi melihat kesesuaian modul tersebut serta berhasrat untuk menambahkan dan mempelbagaikan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi mengatasi segala kelemahan yang wujud dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pengajaran dan pembelajaran Bermodul memang mempunyai kepentingan tersendiri kepada pelajar dan pensyarah. Selain itu, tujuan pelaksanaan modul ini juga adalah untuk melihat kesesuaian modul yang dihasilkan dalam melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk:

- a. Melihat sejauhmana tahap kesesuaian modul pembelajaran yang dihasilkan.
- b. Melihat sejauhmana penghasilan modul tersebut dalam menarik minat dan memotivasikan pelajar.
- c. Untuk melihat sejauh mana kebolehlaksanaan modul yang dihasilkan.


- d. Mengenalpasti maklum balas daripada tenaga akademik terhadap modul yang dihasilkan.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang akan dijalankan ini akan menilai kepada persoalan berikut:

- Adakah modul pembelajaran yang dihasilkan (MPK) sesuai untuk pembelajaran pelajar dari segi kesesuaian isi kandungannya?
- Adakah modul pembelajaran yang dihasilkan (MPK) dapat menarik minat serta boleh memotivasikan pelajar?
- Adakah Modul Pembelajaran Kendiri ini boleh dilaksanakan di Politeknik?

1.6 Kerangka Teori



Rajah 1.1 : Kerangka Teori Penilaian Kesesuaian MSWB

Sumber :

- 1) Ee Ah Meng (1997). "Pedagogi II: Pelaksanaan Pengajaran". Shah Alam Fajar Bakti Sdn. Bhd
- 2) Shaharom dan Yap Kueh Chin (1991). "Jurnal Pendidikan Guru: Ke Arah Mengindividukan Pengajaran Menerusi Pengajaran Bermodul". Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil 7.89-105
- 3) Sharifah Alwiah Alsagoff (1987). "Teknik Pengajaran" Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- 4) Warwick, David (1987). "The Modular Curriculum" England: Basil Blackwell Ltd.
- 5) Siti Fatimah Md. Azali (2002). "Penilaian Terhadap Modul Pembelajaran Teori Kos Pengeluaran Di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan".

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah penting untuk pensyarah dan pelajar di politeknik di mana modul yang dihasilkan atau direka bentuk akan memberi peluang kepada pensyarah untuk menggunakannya dalam pengajaran sebenar dan digunakan sebagai bahan rujukan. Selain itu, ia juga diharap dapat memudahkan lagi pembelajaran pelajar dan memilih cara serta kaedah pembelajaran mana yang sesuai baginya.

Kajian ini juga penting sebagai koleksi rujukan di Politeknik untuk membolehkan modul yang dihasilkan dapat dijadikan koleksi di Politeknik dan menambahkan lagi koleksi rujukan di sana.

Ia juga penting kepada pengkaji yang akan datang di mana modul yang dihasilkan di harap dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada pengkaji akan datang atau pengkaji-pengkaji lain yang akan meneruskan kajian ini dalam melahirkan modul yang berkualiti dan lebih menarik.

Kepentingan kajian juga adalah bagi bakal pensyarah, diharap dapat memberikan panduan yang berguna kepada bakal-bakal pensyarah dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif melalui penggunaan modul tersebut.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan terhadap penghasilan modul pembelajaran yang sesuai untuk kegunaan pelajar Diploma Perakaunan semester I yang mengambil mata pelajaran Prinsip Ekonomi. Kandungan modul pembelajaran ini terhad kepada satu bab sahaja iaitu Sistem Wang Dan Bank.

Kajian ini terbatas kepada pelajar di Politeknik Kota Bharu sahaja. Manakala responden dari tenaga akademik/pensyarah adalah terdiri daripada pensyarah yang mempunyai pengalaman mengajar dalam mata pelajaran Prinsip Ekonomi dari Jabatan Perdagangan di Politeknik Kota Bharu.

1.9 Definisi Istilah

1) Pengajaran

Mengikut Romiszowski (1988), pengajaran adalah proses yang berorientasikan matlamat yang dirancang terlebih dahulu. Bagi Heinich, Molenda & Russell (1981), pengajaran merupakan proses penyusunan dan pengumpulan maklumat untuk menghasilkan pembelajaran. Manakala menurut Yusup Hashim (1998), pengajaran adalah suatu susunan pengalaman yang dirancang untuk membantu pelajar mencapai perubahan dalam prestasi. Pengajaran yang dimaksudkan ialah Pengajaran Modul Kendiri Sistem Wang Dan Bank (MSWB).

2) Teknik pengajaran dan pembelajaran

Menurut Kamus Dewan (Edisi Ketiga), teknik adalah kaedah mencipta sesuatu hasil seni seperti muzik, karang-mengarang dan sebagainya. Menurut Edward M. Anthony mendefinisikan teknik adalah satu muslihat atau strategi atau taktik yang digunakan oleh guru yang mencapai hasil segera yang maksimum pada waktu mengajar sesuatu bahagian bahasa tertentu.

Mengikut Kamaruddin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz dalam bukunya Pengajian Melayu III: Komunikasi Bahasa, teknik boleh didefinisikan sebagai pengendalian suatu organisasi yang benar-benar berlaku di dalam bilik darjah di mana ia digunakan untuk mencapai sesuatu objektif. Teknik merupakan suatu alat yang digunakan oleh guru bahasa bagi menyampaikan bahan-bahan pengajaran yang telah dipilih untuk pelajar-pelajarnya. Teknik yang dipilih haruslah sejajar dengan kaedah yang digunakan dan seiring dengan pendekatan yang dianuti.

Teknik yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah teknik atau cara yang digunakan oleh pensyarah dalam menyampaikan isi pengajaran kepada pelajar supaya mudah difahami oleh pelajar.

3) Modul Pembelajaran

Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1986), modul pembelajaran adalah untuk keperluan pelajar. Hampir semua modul yang sedia ada adalah bertujuan untuk memudahkan pembelajaran pelajar supaya pembelajaran mereka lebih berkesan.

Menurut Kamdi (1990:29) dalam Shabarom Noordin dan Yap Kueh Chin (1991), modul adalah suatu pakej pengajaran pembelajaran yang lengkap mengandungi komponen-komponen pengajaran pembelajaran seperti objektif, bahan dan aktiviti pembelajaran, aktiviti penilaian serta arahan dan tatacara yang sistematik supaya murid-murid dapat mengikuti langkah demi langkah menguasai sesuatu unit pembelajaran serta menjadikan pembelajaran boleh dilakukan secara individu.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Mohd Saad (1996). *Mereka Bentuk Teks Pengajaran Secara Efisien Dan Efektif*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti
- Abdul Rahman Daud (1997) *Teknologi Pendidikan-Konsep, Peranan Dan Perkembangan*. Selangor:Edusystem.
- Abdul Rahim Selamat (1999). *Teknologi Sistem Pendidikan*. Petaling Jaya Selangor: Penerbit Fajar Bakti
- Abdul Rahim Abd Rashid (2000). *Wawasan & Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abu Hassan Yusoff (1989). *Bagaimana Pusat Sumber Sekolah Dapat Memainkan Peranan Sokongannya Dengan Lebih Berkesan*. Wawasan Januari. Pusat Sumber Pendidikan Negeri Kedah : Alor Setar.
- Azrina Beharim (2000). *Modul Pengajaran Kendiri Bertajuk Struktur Asas Bagi Mata Pelajaran Pengajaran Kejuruteraan Awam Tingkatan Empat Sekolah Menengah Teknik*. Universiti Teknologi Malaysia: Thesis Sarjana Muda.
- David Warwick (1988). *Teaching And Learning Through Modules*. Oxford England: Basil Blackwell Ltd.
- Ee Ah Meng (1997). *Pedagogi II, Perlaksanaan Pengajar*. Shah Alam : Fajar Bakti

- Ismail Zain. *Pendidikan Bertaraf Dunia : Ke-urah Pembestarian Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran*. Motivasi Utusan.
- Ismarudin Haji Husin dan Siti Hajar bt Haji Abdul Aziz (1998). Siri Pendidikan Perguruan : *Pengajian Melayu 2 Ketrampilan Bahasa*. Kajang Selangor : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ishahanom Bt Ismail (2003). *Membina Dan Menilai Kesesuaian Modul Pembelajaran Kendiri Untuk Pelajar Diploma Pengajian Perniagaan Semester 6 Di Politeknik Ungku Omar Bagi Mata Pelajaran Prinsip Dan Amalan Insurans*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).
- Mohd. Faudzi Abd. Hamid (1989). *Kaedah Pembelajaran Dengan Menggunakan Modul*. Wawasan Januari. Pusat Sumber Pendidikan Negeri : Alor Setar.
- Mohd Najib Ghafar (2000). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Penerbitan UTM.
- Mohd Najib Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Penerbitan UTM.
- Moresah et. al (2000). "Kamus Dewan" Edisi Ketiga. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka. 910.
- Tomiszowski, A.J.(1988). "The Selection And Use Of Instructional Media." New York Nicholas Publishing.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1987). *Teknologi Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1986). *Teknologi Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Shaharom Noordin dan Chin. Y.K. (1991). *Ke arah Mengindividukan Pengajaran Menerusi Pengajaran Bermodul*. Bahagian Pendidikan Guru. Bil.7.

Shahri Abd. Majid (1998). *Kertas Kerja Modul Pengajaran dan Pembelajaran Individu*. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia Universiti Teknologi Malaysia 1-2. "Tidak diterbitkan"

Siti Fatimah Md. Azali (2002). *Penilaian Terhadap Modul Pembelajaran Teori Kos Pengeluaran Di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITHO).

Yusup Hashim (1998). *Teknologi Pengajaran: Siri Pendidikan Fajar Bakti*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. : Shah Alam

Yusup Hashim (2002). *Media Pengajaran Untuk Pendidikan Dan Latihan*. Selangor, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Zainal Abidin Safarwan (1995). "Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan". Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 1387.



PERPUSTAKAAN PTTA UTHM TUN AMINAH